

RETORIK PENGUCAPAN DAKWAH USTAZ ISMAIL KAMUS

Oleh:
Nor Raudah Siren

Abstract

This article discusses an effective style of speech in da'wah in reference to the rhetorical speech of Dato' Ismail Kamus. The article also discusses a discipline of rhetorical theory applied in an effective da'wah such as ethos, pathos and logos

“Berdakwahlah kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah kebijaksanaan (pengetahuan) dan pengajaran yang baik dan bertukar fikiranlah dengan mereka menurut cara yang sebaik-baiknya.” (al-Qur'an, Surah An-Nahl: 125)

Pengenalan

Berdakwah merupakan tuntutan yang diwajibkan ke atas setiap manusia di muka bumi ini kerana tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah sebagai khalifah. Walau bagaimanapun, bagaimana cara seseorang itu menunaikan tanggungjawabnya adalah mengikut kemampuan, kemahiran, kelebihan dan cara yang tersendiri.

Pengucapan merupakan satu kemahiran seseorang dalam menyampaikan risalah Allah bagi tujuan berdakwah. Pengucapan

merupakan sebahagian dari cara komunikasi lisan yang penting bagi mencapai maklumat atau mesej. Oleh itu seseorang perucap akan dapat menyalurkan idea, emosi, sikap, fakta dan cara memanipulasikan komunikasi non-verbal dalam setiap pengucapan mereka.

Seseorang perucap dakwah yang bijak perlu mahir dengan ilmu retorik yang disusun dan diatur mengikut disiplin dan kehendak Islam. Retorik ialah disiplin mengenai kecekapan berbahasa bagi menemui dan menjelaskan kebenaran sehingga mampu mempengaruhi dan membentuk khalayak mengikut kehendak perucap.

John E. Jordon, retorik lebih mementingkan seni pembujukan ketika berucap. Pembujukan digunakan bagi mempengaruhi khalayak agar memberi reaksi tertentu terhadap perkara yang disampaikan oleh perucap.¹ Retorik menjadi satu komunikasi yang kompleks antara komunikator dengan khalayak melalui bahasa. Oleh itu penggunaan retorik mempunyai beberapa amalan yang mendasarinya bagi memantapkan dan memastikan keberkesanannya. Amalan tersebut dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu penjelasan (*deliberatif*), penghujahan (*forensik*) dan pengukuhan (*epeidektif*).²

Penjelasan (*deliberatif*) melibatkan amalan penceritaan, penjelasan dan penghuraian sesuatu perkara yang hendak disampaikan tanpa membuat penilaian atau perbandingan. Biasanya ia digunakan untuk tujuan menyampaikan mesej tertentu seperti mesej kerajaan untuk difahami dan diamalkan oleh rakyat. Rancangan televisyen, radio dan laporan akhbar biasanya bersifat *deliberatif*.³

Penghujahan (*forensik*) pula merupakan pemakaian unsur-unsur perbandingan (*comparative*), penilaian (*evaluation*) dan

¹ Jordan, John. E, *Using Rhetoric*, (New York: Harper & Row Publishers, 1965) hal. 12.

² Lihat Dixon, Peter, dalam Ismail Hamzah Nasution (terj.) *Retorik*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), hal.37.

³ Lihat *Ibid*, hal. 37.

pemutusan (*judgement*) dalam setiap penghujahan yang diberikan dalam sesuatu penyampaian pendapat. Ia bukan hanya melihat dari sudut positif, malah membenarkan pendapat dari sudut negatif. Ucapan (pidato), penulisan kritikan dan filem-filem biasanya menggunakan unsur-unsur penghujahan ini.

Pengukuhan (*epeidektif*) mempunyai kaedah-kaedah pemujaan, tuduhan dan pernyataan sama ada sifat-sifat baik atau sifat-sifat buruk berdasarkan subjek. Penggunaan kaedah ini memerlukan pemilihan kata yang jelas dan terperinci agar tidak menyinggung mana-mana pihak. Ia biasanya digunakan dalam majlis penganugerahan, pemujaan dan penghargaan dan wacana ini mempunyai fungsi-fungsi pembujukan dan rangkaian silogisme yang disahkan.

Walau bagaimanapun seseorang perucap yang bijak ialah perucap yang mampu mempersembahkan idea dan cara menarik minat khalayak terhadap ucapannya. Sesuatu komunikasi bertitik tolak dari ketrampilan seseorang perucap dalam melengkapkan diri dengan konstituen-konstituen asas retorik iaitu ethos, pathos dan logos. Konstituen-konstituen tersebut merupakan asas terpenting digunakan oleh perucap dalam pengukuhan hujahnya.

Ismail Kamus: Suatu Ethos⁴ Masyarakat Pendengarnya

Seseorang perucap dakwah akan tampil bersama-sama sejumlah imej dan identiti diri untuk dinilai oleh khalayaknya. Melalui ethos ini, khalayak memanipulasikan karektor fizikal, kewibawaan dan kredibiliti perwatakan perucap iaitu Ustaz Ismail Kamus sebagai suatu retorik yang mampu mempengaruhi khalayak untuk mengikuti setiap ceramah beliau.

Penguasaan ethos yang baik yang dimiliki oleh Ustaz Ismail Kamus meletakkan beliau sebagai pendakwah yang paling

⁴ Ethos ialah ketrampilan diri perucap dengan sejumlah imej dan identiti diri yang akan dinilai atau ditanggap oleh khalayak. Ethos menjadi kayu pengukur keberkesanan penyampaian sebagai faktor kualiti diri. Ini kerana masyarakat mampu menilai dan mengkritik penampilan awal seseorang perucap.

diminati dan mempunyai sejumlah pendengar yang ramai di seluruh negara. Malah kepopularitiannya turut dikenali di negara-negara yang pernah dilawatnya. Ini dapat dibuktikan melalui penerbitan kaset-kaset ceramahnya yang berjumlah lebih 20 buah di pasaran.

Dato' Ismail Kamus terkenal dengan ceramahnya yang mampu menarik minat pendengarnya. Ceramahnya yang tidak kekeringan idea dan cerita-cerita yang menarik mampu mengundang peminat atau pendengarnya yang tersendiri. Pemilihan dan penyediaan tajuk yang baik dan sesuai dengan kehendak semasa mampu menarik khalayak untuk mengikuti ceramahnya seperti *Perbaiki Solatmu, Benteng dan Didikan untuk Anak-anak, Kebahagiaan Dunia dan Akhirat, Menginsafi Kelemahan Diri, Kejahatan Sihir, Malaysia Negara Sekular?, Apabila Nafsu Menjadi Ikutan* dan sebagainya yang merangkumi semua bidang sama ada kekeluargaan, ilmu asas fardhu ain, ehwal semasa, permasalahan politik dan permasalahan kehidupan dan amalan manusia.

Beliau bukan sahaja pendakwah yang menyampaikan risalah Allah di tanah air sendiri malah turut merentas lautan hingga ke Singapura, Brunei, United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia dan negara-negara Timur Tengah semata-mata untuk tujuan murninya itu. Rancangan-rancangan Televisyen Malaysia, suatu waktu dahulu selalu mengundang beliau untuk muncul dalam Forum Perdana Ehwal Islam, malah suaranya turut kedengaran di rangkaian Radio Republik Singapura dan Televisyen Brunei Darul Salam.

Riwayat latar pendidikan yang pernah berguru dengan seorang tokoh ulama' iaitu Allahyarham al-Syaikh Mahmood al-'Arief al-Bukhari dengan lulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah (dengan kepujian) di Universiti Kebangsaan Malaysia membantu beliau menimba pengalaman sebagai guru agama dan berbagai-bagai jawatan seperti Pegawai Penyelidik, Pegawai Dakwah di Jabatan Agama Islam Wilayah (JAWI), Pusat Islam dan Institut Tadbiran Awam Malaysia (INTAN). Malah beliau pernah diamanahkan menjadi Pakar Rujuk di Bahagian Hal Ehwal Islam, Kuala Lumpur.

Sejarah pengalamannya yang luas sebagai pendakwah terutama pendakwah bebas semakin menyemarakkan dunia dakwah dengan ketrampilannya yang bersahaja tetapi meyakinkan pendengarnya. Oleh itu, kepopulartian Ustaz Ismail Kamus menjadi jambatan retorika antara perucap dengan khalayak pendengarnya.

Ismail Kamus: Gerakan Pathos⁵ Dalam Ceramahnya

Penguasaan Ustaz Ismail Kamus terhadap sifat batiniah dan jasmaniah khalayak di hadapannya merupakan keistimewaan diri yang dimiliki oleh beliau. Beliau berupaya menguasai emosi khalayak melalui unsur pathos dengan penggunaan entimen secara efektif.

Penguasaan pathos oleh Ustaz Ismail Kamus banyak membantu beliau menjayakan pengucapannya. Ucapannya mampu membujuk pendengarnya melalui pengukuhan subjeknya dalam bentuk *taakulan deduktif*⁶ dan *taakulan induktif*⁷ dalam setiap ceramahannya.

Penguasaan emosi perlu dibawa sejak dari awal isu yang

⁵ Pathos ialah penzahiran pengucapan dalam penggunaan tarikan emosi dalam membentuk pemikiran dan penghujahan bagi menarik pendengar dan memastikan keberkesannya. Ia melibatkan penguasaan psikologi khalayak atau pembujukan psikologikal perucap terhadap khalayaknya. Penguasaan pathos ini akan membangkitkan rasa seronok, sedih, cinta, benci dan kemarahan pendengar terhadap isu yang ditimbulkan. Oleh itu perucap akan menyelami dan menentukan gaya teks ucapannya mengikut konteks khalayak yang hadir dengan memahami dan menguasai sifat batiniah dan jasmaniah mereka.

⁶ Taakulan Deduktif ialah penjelasan terhadap sesuatu dari peringkat umum kepada yang lebih khusus. Ia bertolak dari premis asal sesuatu kenyataan yang benar yang diperolehi dari faktor yang sahih bersumberkan pendalilan naqli dan mengumumkan sesuatu maklumat yang khusus sebagai kesimpulan dari premis-premia yang kecil tersebut.

⁷ Taakulan Induktif pula merupakan proses penghuraian yang membawa kepada pencapaian sesuatu kesimpulan hukum dari fakta-fakta atau maklumat yang bersifat khusus. Ia merujuk kepada kepercayaan dan sesuatu kenyataan yang digeneralisasikan hasil data atau maklumat yang dikumpul dan diperolehi.

dibangkitkan. Bagaimana perucap memulakan ceramah, permasalahan isu yang dibawa sehinggalah kepada klimaks isu yang dibangkitkan sehingga menimbulkan keinsafan atau ketakjuban pendengarnya.

Kebijaksanaan penguasaan emosi khalayaknya banyak terdapat dalam ceramah-ceramah beliau, seperti dalam kaset ceramah bertajuk *Benteng dan Pendidikan Untuk Anak-anak*.

Pada pengenalan ceramahnya beliau mendekati khalayak dengan membangkitkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan sikap dan tindakan manusia. Isu yang ditimbulkan telah membawa emosi pendengar untuk merenung kembali serta menginsafi fenomena yang berlaku. Contohnya dalam kaset tersebut, beliau membawa kisah kehidupan anak-anak Amerika yang suka berseronok dan tidak mahu belajar. Kehidupan bebas anak-anak remaja yang rosak akhlak tersebut turut memeningkan presidennya, Presiden Clinton. Beliau juga memberitahu sikap manusia yang *Al-Baqar* (suka menunjuk-nunjuk) sehingga keluar istilah "Al-Pulus Fid Dunnia al-Mampus". Ini menunjukkan emosi beliau yang begitu marah dan tidak senang dengan sikap manusia yang mementingkan diri sendiri demi kesenangan dan kemewahan hidup di dunia.

Setelah memberi contoh-contoh sifat manusia barulah, beliau menyentuh perkara yang penting yang perlu dilakukan oleh ibu bapa bagi membentuk anak-anak yang berakhlak mulia. Ini kerana didikan anak-anak perlu sejak dari kecil lagi, terutama dalam membentuk pemikiran anak-anak.

"Maknanya anak-anak dah tujuh tahun ajar anak berenang, panah dan baca Quran. Ini anak-anak dilarang ke Masjid. Pendidikan anak-anak sepatutnya dibawa ke Masjid, bukan dilarang."

Kritikan beliau terhadap pengurusan Masjid dan cara pendidikan anak-anak di awal usia cukup berkesan dalam mempengaruhi emosi pendengar. Malah berbagai contoh dan kisah benar tentang sikap ibubapa terhadap anak, memberi kesedaran dan membuka minda pendengarnya untuk terus mendengar ceramahnya.

Di akhir ceramah, beliau mendedahkan kisah kesungguhan saudara baru dalam mempelajari Islam terutama kisah banduan berbangsa Cina yang memeluk Islam selama dua tahun tetapi sudah pandai sembahyang dan menghafal beberapa surah dalam Al-Quran. Kisah kesungguhan saudara baru mempelajari Islam juga turut dipaparkan dengan kisah paderi yang memeluk Islam dan sudah boleh mengajar orang Islam tentang Islam.

“Bukan orang Islam ajar dia, tetapi dia yang ajar orang Islam”.

Kata-kata terakhir tersebut benar-benar mencabar kewibawaan umat Islam terutama pendengar betapa umat Islam sendiri tidak mahu mendalami dan mempelajari Islam sedangkan orang yang asalnya bukan Islam lebih bersungguh-sungguh, malah lebih alim tentang Islam daripada orang Islam itu sendiri.

Jerutan emosi yang mantap tersebut, sesekali turut menyentak dan meresahkan pendengarnya untuk memeriksa kembali sejauh mana keislaman yang dimiliki oleh mereka.

Ustaz Ismail Kamus: Kemahiran Logos⁸ Dalam Ceramahnya

Prinsip Logos yang digunakan oleh Ustaz Ismail Kamus begitu jelas dan memberi warna atau rupa kepada topik ceramahnya sehingga pendengar mampu memahami semua rangkaian hujahan, alasan dan kaedah pengucapannya. Segala kaedah Logos yang dipilih oleh beliau menjadi pendokong kemantapan akalnya yang selari dengan realiti kehidupan tanpa ada sifat kesongsangan dalam pemikirannya. Malah pengaruh terhadap akal yang dimiliki turut cuba dibawa untuk mempengaruhi akal fikiran pendengarnya untuk menerima setiap percontohan, hujahan dan perbidalannya.

⁸ Logos membawa maksud membujuk intelek atau rasional manusia. Ia mengutamakan kesahihan setiap kenyataan dengan membawa hujah-hujah yang bernas dan tidak bergantung kepada imej diri semata-mata. Menurut Plato, Logos merupakan rangkaian pernyataan lengkap yang di dalamnya terdapat pembentangan sejarah tentang subjek, penghuraian definisi tentang subjek dan mengemukakan cadangan terhadap subjek. Pemidato mengatur strategi dengan memberi percontohan, bidalan dan petunjuk. Lihat, *op.cit*, Peter Dixon, hal. 43.

Antara pernyataan logos yang terdapat dalam kaset beliau ialah “Tak pakai tudung, tak apa, tapi hati baik! Jadi bogel sajalah.” Kenyataan tersebut turut dikuatkan dengan katanya, “Orang beriman automatik jadi orang baik, jadi orang bertaqwa, tinggalkan perkara jahat.” Kenyataan tersebut cukup memberi kesan yang mantap dalam penerimaan akal pendengar supaya mendengar hujahan logiknya bahawa orang yang baik adalah hasil didikan iman yang diterima dan yang zahir turut memaparkan keadaan yang batin seseorang.

Contoh yang lain yang boleh menguatkan hujahan logik yang biasa digunakan oleh Ustaz Ismail Kamus dalam ceramahnya ialah, “Orang pergi restoran nak makan roti canai, cukup beritahu makan roti canai. Tak payah beritahu bahan-bahannya.” Silogisme makan roti canai tersebut menguatkan hujahannya bahawa “orang beriman automatik sembahyang, tak payah disuruh.”

Silogisme yang diikuti dengan alasan yang kuat dan meyakinkan cukup bermakna dan beliau mampu menimbulkan rasa puas hati pendengar terhadap hujahannya.

Terdapat juga percontohan yang diberikan agak melucukan tetapi memberi kesan terhadap pemikiran pendengarnya apabila cuba memikirkannya. “Nak umpan ke Masjid bagi pisang. Dia ingat beruang?. Sesekali tukarlah epal. Ini pertahankan kepisangannya.”

Walau bagaimanapun, Ustaz Ismail Kamus turut bermain dengan ayat falasi tetapi tetap diterima oleh pendengar dengan senang hati kerana melihat kepada silogisme logik yang diberikan oleh beliau, sebagai pendakwah yang bijak bermain pemikiran pendengar.

“Manusia memang canggih, sebab kita ada akal.” Itu sebabnya dalam syarat sembahyang, zakat, puasa dan haji, semua ada. Puasa mesti berakal, orang nak ke Mekah mesti berakal. Maknanya kalau gila tak payah sembahyang. Kalau tak sembahyang, dia gila.” Kesimpulan yang dibuat oleh beliau terhadap premis yang diberikan agak keterlaluan tetapi apabila merenung kembali secara logik akal, teknik falasi yang digunakan oleh beliau amat sempurna dan meyakinkan.

Kesimpulan

Pengucapan dakwah Ustaz Ismail Kamus apabila dilihat dari tiga aspek retorika pengucapan ini mampu memenuhi konsep asas komunikasi retorik yang diperlukan dalam menghasilkan pengucapan yang berkesan dan mantap. Keupayaan beliau memanipulasikan ilmu retorik ini berupaya menghasilkan impak dalam usaha dakwahnya terhadap masyarakat Islam. Kelebihan seumpama ini merupakan kemahiran yang bukan dimiliki oleh semua orang tetapi masih boleh dipelajari dan dipraktikkan mengikut cara tersendiri seseorang perucap terutama dalam perucapan dakwah Islam.

Bibliografi

- Akmal Haji Mohd. Zain, *Bimbingan Berdakwah Masa Kini*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1984.
- Gary T. Hunt, dlm. Asiah Sarji, Mohd. Nordin Sarji (terj.), *Perucapan Umum*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Hamidah Abdul Hamid, *Pengantar Logik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- John E Jordan, *Using Rhetoric*, New York: Harpec and Row Publisher, 1965.
- Peter Dixon, *Retorik (Siri Konsep Sastera)*, dlm. Ismail Hamzah Nasution (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.

SENARAI PENYUMBANG - AFKAR (BIL 1/2000)

1. Mohd Radhi Ibrahim, M.A.
Pensyarah Pusat Persediaan Pengajian,
Universiti Timur Tengah,
Wakaf Bharu, Kelantan.
2. Mohd Fakhruddin Abdul Mukti, M.A.
Pensyarah Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
3. Che Zarrina Sa'ari, Ph.D.
Pensyarah Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
4. Mohd Kamil Hj. Ab. Majid, M.A.
Prof. Madya di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam dan
Timbalan Pengarah Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
5. Wan Suhaimi Wan Abdullah, M.A.
Pensyarah Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
6. Idris Zakaria, Ph.D.
Prof. Madya di Jabatan Usuluddin dan Falsafah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi, Selangor.

7. Mohd Fauzi Hamat, M.A.
Pengajar SLAB di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
8. Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, M.A.
Pensyarah Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
9. Joni Tamkin Borhan, Ph.D.
Pensyarah Jabatan Syariah dan Ekonomi dan
Ketua Jabatan Syariah dan Pengurusan,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
10. Rahimin Affandi Abdul Rahim, Ph.D.
Pensyarah Jabatan Fiqh dan Usul,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
11. Nor Raudah Siren, M.A.
Pensyarah Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Syarat-syarat Penerbitan AFKĀR:

- a) Artikel hendaklah merangkumi bidang-bidang pemikiran Islam secara umum dan bidang-bidang akidah, falsafah, tasawuf, perbandingan agama, mantik dan sebagainya secara khusus. Kajian-kajian yang bersifat kritikal dialu-alukan, manakala makalah-makalah yang bersifat pengenalan atau pengantar tidak digalakkan.
- b) Ia hendaklah merupakan karya ilmiah asli atau terjemahan pengarang yang belum diterbitkan di dalam mana-mana Jurnal tempatan atau antarabangsa.
- c) Artikel hendaklah tidak melebihi 6,000 patah perkataan atau 30 halaman yang telah siap ditaip pada kertas A4 (lengkau dua). Artikel-artikel pendek adalah dialu-alukan.
- d) Satu salinan artikel bercetak dan satu salinan disket diperlukan dan ia tidak akan dikembalikan.
- e) Karya-karya yang dikirim hendaklah disertakan dengan abstrak ringkas yang tidak melebihi 200 patah perkataan. Artikel-artikel yang ditulis dalam Bahasa Melayu hendaklah disertakan dengan abstrak dalam Bahasa Inggeris. Manakala artikel Bahasa Inggeris hendaklah disertakan abstrak Bahasa Melayu.
- f) Metodologi penulisan hendaklah berdasarkan metodologi penulisan ilmiah. Nota kaki hendaklah dinomborkan sewajarnya dan diletakkan di bahagian bawah halaman berkaitan.
- g) Transliterasi hendaklah ditulis dengan lengkap mengikut kaedah yang dikemukakan di dalam Jurnal.
- h) Karya-karya yang dikirim akan dinilai oleh sekurang-kurangnya seorang sidang pengarang atau sidang pengarang bersekutu sebelum diterbitkan
- i) Penyumbang artikel akan dihadiahkan empat naskhah Jurnal AFKĀR yang diterbitkan.
- j) Sumbangan, pertanyaan dan langganan sila hubungi:

Ketua Sidang Pengarang Jurnal AFKĀR,

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam,

Akademi Pengajian Islam,

Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur.

(u.p: Wan Suhaimi Wan Abdullah). Tel.: 03-7969 6097,

Faks: 03-7969 6025, E-mail: ulhaimi@umcsd.um.edu.my

REKAM JEKAT PASIEN
DINAS KESEHATAN RI
KEMENTERIAN KESEHATAN RI
JURUSAN KEPERAWATAN